

31/05/2003

Sidang di Putrajaya terap aspek ilmu, akhlak

Wan Hazmir Bakar

TEHERAN: Malaysia akan menerapkan aspek ilmu dan akhlak pada Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Putrajaya Oktober depan, sebagai lanjutan terhadap usaha mengembalikan perpaduan dan maruah umat Islam yang menjadi matlamat Persidangan Menteri Luar OIC (ICFM) Ke-30 di sini.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata tanpa ilmu, perpaduan yang diharapkan OIC bagi mengembalikan maruah umat Islam tidak mungkin dicapai dan ia akan kekal sebagai pertubuhan yang lebih banyak bercakap daripada bertindak.

"Kekuatan ilmu yang akan menjanjikan masa depan dan kemajuan negara Islam. Negara Islam juga perlu menumpukan kepada tindakan dan kurang bercakap. Malaysia boleh memberikan kepimpinan sedemikian. Kita berharap dapat melaksanakan apa yang diharapkan negara OIC," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Syed Hamid, menjelaskan hasil perbincangan dua hala dengan beberapa rakan sejawatannya, termasuk dari Iran, Syria, Qatar dan Filipina berkaitan sidang kemuncak OIC serta isu dan masa depan pertubuhan itu, di

luar persidangan tiga hari ICFM yang dihadiri semua 57 negara anggota kecuali Iraq.

Beliau berkata, pada Sidang Kemuncak OIC di Putrajaya, segmen interaktif untuk menteri luar akan diadakan bagi membincangkan isu perpaduan dan maruah umat Islam sebagai lanjutan agenda ICFM kali ini sebelum pemimpin negara masing-masing bersidang.

"Mereka begitu berminat untuk melihat sidang kemuncak itu mencapai kejayaan,"

katanya sambil menambah negara terbabit menyatakan sokongan dan keyakinan terhadap Malaysia dalam menerajui OIC.

Syed Hamid berkata, banyak negara OIC ingin mencontohi kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, serta kejayaan Malaysia dalam pengurusan ekonomi dan dasar luar yang bebas daripada pengaruh dan tekanan kuasa asing.

Katanya, mereka kagum dengan keberanian dan ketegasan Malaysia dalam menyatakan pendirian dan pandangan negara berhubung isu antarabangsa termasuk soal Palestin, Iraq dan Iran.

"Mereka banyak bertanya mengenai Dr Mahathir dan saya fikir kepemimpinan beliau adalah salah satu perkara yang mengharumkan nama Malaysia di mata dunia. Kita menjelaskan bahawa kejayaan Malaysia dicapai kerana kestabilan politik dan pentadbiran yang mendapat sokongan rakyat," katanya.

Mengenai ancaman Amerika Syarikat terhadap Iran, Syed Hamid berkata, Malaysia berpendapat ia adalah usaha negatif untuk menyeragamkan corak pemerintahan negara lain mengikut kehendak kuasa besar itu.